



Pilihan Raya Menuntut Kebiasaan Baharu

DUNIA memasuki bulan ketujuh sejak wabak COVID-19 mabadai setiap penjuru kehidupan manusia dan wilayah di seluruh dunia.

Pandemik itu bukan sahaja menjadi satu ancaman besar sehingga dikategorikan sebagai krisis ekonomi dan kesihatan, tetapi turut mencorakkan dunia politik, terutama dalam urusan pilihan raya, dewan perwakilan dan pemilihan ketua umum dan kerajaan. Setakat ini, COVID-19 “menggangu” banyak perjalanan pilihan raya dan pemilihan presiden – sebanyak 63 pilihan raya, pemilihan dan referendum peringkat kebangsaan, wilayah dan negeri telah ditunda atau dibatalkan setakat akhir Jun lalu.

Sudah tentu antara pilihan raya dan pemilihan yang menarik perhatian dunia ialah pemilihan jawatan presiden Amerika Syarikat (AS) yang dijadualkan akan berlangsung pada 3 November ini. AS yang terkenal dengan status kuasa besar dan selalu menjadi teladan dari segi kemajuan dan kebebasan, kini berhadapan dengan situasi yang amat sukar dalam usaha menangani COVID-19 dengan berkesan. Di tengah-tengah krisis kesihatan, ekonomi dan ketika banyak pihak menganggap AS berkemungkinan berhadapan dengan krisis politik serta krisis perlembagaan, kini AS berhadapan pula dengan krisis sosial paling buruk ekoran kematian seorang warganegara kulit hitam, George Floyd, yang didakwa berpunca daripada kekasaran anggota polis pada Mei lalu.

Penulis makalah *Foreign Affairs*, Lawrence Norden dan Max Feldman antara lain menjangkakan penundaan pilihan raya umum pada November 2020 pasti akan memecahbelahkan AS. Presiden dan Kongres berpecah dalam soal meluluskan undang-undang untuk mengubah tarikh pilihan raya. Pilihan raya harus berlangsung dan keutamaan bagi penggubal undang-undang persekutuan, negeri, dan tempatan adalah untuk memastikan keadaan luar biasa – kesan COVID-19 tidak mengetepikan kelangsungan pilihan

raya yang adil bagi setiap warganegara. Wabak COVID-19 telah membawa cabaran yang begitu besar kepada AS, satu daripada negara yang mengutamakan sistem desentralisasi kuasa. Hal ini termasuklah sistem pengurusan pemilihan dan pilihan raya. Setiap negeri mempunyai sistem dan kerangka perundangan masing-masing. Pusat pula menetapkan hari Selasa pertama pada bulan November sebagai tarikh pengundian bagi pemilihan presiden dan Kongres.

Tinjauan Pusat Penyelidikan Pew mendapati dua pertiga rakyat AS mengatakan kemungkinan besar wabak COVID-19 akan mengganggu pemilihan presiden. Malah, tinjauan itu juga menunjukkan bahawa sokongan masyarakat terhadap cadangan pengundian melalui pos juga sangat tinggi. Sebanyak 70 peratus menyokong inisiatif membenarkan pemilih mengundi melalui pos, termasuk sebanyak 52 peratus memilih langkah mengadakan semua pilihan raya melalui pos. Peratusan yang menyokong cadangan ini telah meningkat sebanyak 18 mata sejak tahun 2018. Walaupun kebanyakan rakyat AS menjangkakan bahawa COVID-19 akan mempengaruhi pemilihan presiden, majoriti tetap yakin pemilihan akan dijalankan dengan adil dan tepat (59 peratus).

“Pandemik tidak boleh dibiarkan untuk menghalang rakyat AS daripada mengundi dengan keyakinan bahawa undi suara mereka (yang dicadangkan untuk dilaksanakan secara pos) akan dikira. Untuk memastikan keadaan sebaliknya tidak berlaku, AS harus menutup jurang pendanaan dan sumber untuk pentadbiran pilihan raya di seluruh negara,” tulis Norden dan Feldman.

Sementara kecekapan sistem ini turut menjadi polemik, beberapa pihak yang mempertikaikan kaedah tersebut telah merujuk mahkamah dalam menentukan sama ada pengundian tersebut sah atau sebaliknya.

Tiada sistem dan proses yang kekal sepanjang masa dan zaman. Begitu juga dengan sistem dan proses pilihan raya. Sejak sistem demokrasi lahir, kerangka perundangan dan prosesnya terus berubah dan dibuat penambahbaikan mengikut keperluan semasa.

Menurut kedua-dua penulis itu lagi, kerajaan tempatan dan negeri perlu menggunakan sistem pengundian mereka untuk membolehkan sebanyak mungkin pemilih menyertai proses pilihan raya seperti sebelum ini. Kongres perlu memberikan mereka dana secukupnya untuk membuat persiapan awal sambil menetapkan garis panduan minimum untuk pengundian secara pos, pengundian awal, dan pada hari pengundian sebenar pada November kelak.

Situasi yang mencabar dan sukar ini, yang sama sekali tidak diduga turut disaksikan di kebanyakan negara termasuk di Malaysia yang menyaksikan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Chini yang berlangsung pada 5 Julai 2020. Chini yang terletak di Pahang akan menjadi PRK pertama diadakan ketika negara berhadapan dengan pandemik COVID-19. Mengikut Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri, PRK harus dan perlu diadakan dalam tempoh 60 hari selepas berlakunya

kekosongan DUN, melainkan kekosongan itu berlaku dua tahun sebelum mandat semasa berakhir.

Untuk itu, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah memperkenalkan Tatacara Operasi Standard (SOP) khas bagi memastikan PRK tersebut dapat diadakan. Pengerusinya, Datuk Azhar Azizan Harun, menjelaskan bahawa antara perkara yang dicadangkan adalah dengan mengehadkan jumlah maksimum pengundi di setiap saluran kepada 400 orang pengundi berbanding dengan 600 orang sebelum ini. Bagi tujuan itu, SPR telah mengadakan perbincangan bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Majlis Keselamatan Negara dan Polis Diraja Malaysia berhubung dengan SOP khas tersebut.

Menurut Azhar, perbincangan itu turut memfokuskan kaedah merendahkan risiko merebaknya COVID-19 semasa PRK. SPR juga memutuskan untuk menambah maklumat baharu dalam kad pengundi (VC), iaitu masa keluar mengundi

yang digalakkan bagi memastikan SOP pematuhan penjarakan sosial dapat dipraktikkan, di samping dapat mengurangkan kesesakan di pusat dan saluran mengundi. Bagi peraturan berkempen, Azhar menekankan bahawa pihaknya berpandukan SOP dan peraturan yang dikuatkuasakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) atau PKP Diperketatkan (PKPD). SPR juga memutuskan untuk memantau proses berkempen dan situasi pada hari mengundi. Hal ini termasuklah peranan pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya yang dianggotai oleh wakil polis, pihak berkuasa tempatan dan wakil calon yang bertanding bagi tujuan memantau semua aktiviti berkempen.

Mengambil kira kebiasaan baharu yang mula diamalkan dalam sektor ekonomi dan sosial, sektor politik yang merangkumi proses penamaan calon, kempen dan pengundian juga tidak harus mengetepikan langkah sanitasi dan penjarakan satu meter semasa beratur di pusat mengundi sementara menunggu giliran untuk membuang undi. SOP yang digunakan di Chini akan menjadi tataetika baharu dalam pengurusan pilihan raya pada masa akan datang termasuk Pilihan Raya Negeri ke-12 di Sarawak yang disebut-sebut akan diadakan pada bila-bila masa – mandat semasa akan berakhir pada tahun 2021.

Sudah tentu apa-apa yang berlaku akan memberikan cabaran besar kepada SPR dan agensi yang terlibat dalam memastikan proses pilihan raya diuruskan dengan berkesan, teratur dan memastikan setiap orang yang menyertai proses pilihan raya berasa yakin dan selamat. Jika sebelum ini, proses pengurusan pilihan raya dikaitkan dengan prinsip adil, bebas dan telus, mulai sekarang slogan itu perlu ditambah dengan prinsip “yakin dan selamat”. Negara tidak pernah menghadapi masalah yang besar dalam memastikan hak dan

tanggungjawab yang diturunkan menerusi Perlembagaan Persekutuan dapat dilaksanakan, kecuali gangguan ketika darurat dan ancaman komunis.

Bagi negara lain di dunia, mereka lebih cenderung untuk menunda dan menangguhkan pilihan raya. Begitu pun, Ukraine telah mengambil langkah yang berbeza, iaitu mengurangkan dana pilihan raya yang sepatutnya diadakan pada Oktober 2020, sebaliknya dana tersebut disalurkan untuk membantu usaha memerangi COVID-19. Sementara itu, negara jiran, Singapura pula mengambil langkah awal dengan mengumumkan bahawa Rang Undang-undang (RUU) Peraturan Khas COVID-19 sebagai lampiran kepada Seksyen 56A hingga 56F Akta Pemilihan Parlimen untuk mengadakan pilihan raya umum 2021 dengan selamat. Peruntukan ini hanya bersifat sementara dan akan digunakan untuk pilihan raya umum yang perlu diadakan pada atau sebelum 14 April 2021. RUU tersebut bertujuan untuk memastikan kesihatan dan keselamatan pemilih dan calon terjaga, serta perlindungan hak politik mereka. Langkah keselamatan, seperti pemeriksaan suhu, penjarakan sosial, penggunaan pelitup hidung dan mulut dan sarung tangan wajib dipakai oleh pengundi, dan waktu mengundi juga diadakan secara berperingkat.

Begitu juga dengan prosedur pengundian di luar negara, pemilih yang berada di bawah perintah tinggal di rumah akan dibenarkan untuk mengundi di tempat yang ditentukan. Pengundian dalam talian tidak dianggap sebagai pilihan alternatif kerana dianggap sebagai ancaman kerahsiaan. Bagi pengundi yang tidak dapat keluar mengundi kerana COVID-19, rakyatnya tidak akan didenda atau dikenakan hukuman seperti yang diamalkan pada pilihan raya sebelumnya.

Menjelang pilihan raya perundangan Korea Selatan, negara itu membenarkan rakyatnya mengundi

sebelum dan semasa hari sebenar pengundian. Pesakit COVID-19 juga dibenarkan mengundi dari rumah atau hospital melalui undi pos. Suruhanjaya Pilihan Raya Nasional negara itu juga telah menggubal tataetika dan maklumat pemilih bagi membolehkan rakyatnya mengambil bahagian dalam pilihan raya.

Persoalannya, adakah kebiasaan baharu dalam sistem pilihan raya ini mustahil untuk dilaksanakan? Sudah pasti tidak. Untuk rekod, wabak Ebola yang menular sejak enam tahun lalu turut memberikan panduan dalam menguruskan pilihan raya dengan selamat dan cekap kepada dunia. Dalam hal ini, menurut International Foundation for Electoral Systems (IFES), pegawai pilihan raya di Liberia telah bekerjasama dengan pakar kesihatan untuk mengintegrasikan pelbagai langkah praktis kesihatan, antaranya semasa pengeluaran kertas undi, memberikan kad pengenalan dan penggunaan pen untuk menandai kertas undi dengan selamat. Para pekerja pilihan raya juga dilatih dan didedahkan dengan pendidikan pengundian dengan meluas. Sebenarnya, suruhanjaya di negara tersebut telah menyediakan panduan yang sangat spesifik untuk mencegah penyebaran virus Ebola, tidak hanya di tempat mengundi, tetapi juga membabitkan kontak rapat ahli politik dan kegiatan kempen pilihan raya.

Perlu diakui bahawa tiada sistem dan proses yang kekal sepanjang masa dan zaman. Begitu juga dengan sistem dan proses pilihan raya. Sejak sistem demokrasi lahir, kerangka perundangan dan prosesnya terus berubah dan dibuat penambahbaikan mengikut keperluan semasa. Perubahan ini akan terus berlaku dan akan dapat disaksikan di semua negara demokrasi bagi menyediakan dan menjamin pilihan raya yang adil, bebas, telus, berwibawa dan selamat kepada semua. ▢